**SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.** (410334-X)
SIRIM Complex,
1, Persiaran Dato' Menteri, Section 2,
40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : 603-5544 6400 Fax : 603-5544 6810
www.sirim-qas.com.my

4 Jun 2021

ER02590001

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**<u>Undangan untuk Memberi Komen Terhadap Audit Pensijilan MSPO ke atas Rinwood Pelita (Mukah) Plantation Sdn. Bhd., Mukah Land District, Mukah, Sarawak</u>**

Rinwood Pelita (Mukah) Plantation Sdn. Bhd., **telah** melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan terhadap “Malaysian Sustainable Palm Oil” (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut :

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama unit pengurusan | : | Rinwood Pelita (Mukah) Plantation Sdn. Bhd. |
| 2. | Tarikh mula audit | : | 5 Julai 2021 |
| 3. | Tarikh akhir audit | : | 8 Julai 2021 |
| 4. | Lokasi audit | : | Lot No. 41, Mukah Land District, Sungai Sebakong, 96400 Mukah, Sarawak. |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | 23,830.63 ha |
| 6. | Standard yang digunakan | : | MSPO 2530-3:2013, MSPO 2530-4:2013<br>Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran | : | Mohd Isa Hashim<br>Azmi Adnan |

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum 8 Julai 2021. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau

perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami http://www.sirim-qas.com.my.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Perhatian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian :
Cik Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd,
Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel : 03-55446448
Fax: 03-55446763
Email : kamini@sirim.my

**MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di ______________________________**

Saya merujuk kepada surat bertarikh ……………………… untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

- ☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan
- ☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan
  - ☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang — Sila huraikan: ____________
  - ☐ Isu berkaitan aspek sosial — Sila huraikan: ____________
  - ☐ Isu berkaitan alam sekitar — Sila huraikan: ____________
  - ☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan — Sila huraikan: ____________
  - ☐ Lain-lain — Sila huraikan: ____________

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : ______________________________

Jawatan : ______________________________

No. telefon : ______________________________

Alamat email : ______________________________

Terima kasih

Yang ikhlas,

…………………..
Nama :
Alamat:
No. tel